



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN MENGIMPORT MAKANAN
HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

1 JANUARI 2010

1. NAMA PERLESENAN

Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

2. NAMA AGENSI/ PIHAK BERKUASA MELESEN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

3. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PERLESENAN

Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698), Bahagian III, Subsyeksyen 9(1) dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Lesen Untuk Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, Seksyen 3(1).

4. OBJEKTIF PERLESENAN

Mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan, tidak memudaratkan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain, dan bagi perkara lain yang bersampingan dengannya.

5. KETERANGAN PERLESENAN/ APA YANG DILESEN

Pengimportan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

6. SIAPA YANG BOLEH MOHON/ KELAYAKAN PEMOHON

- i. Warganegara Malaysia,
- ii. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

7. BILA PERLU DIPOHON

Memohon secara atas talian pada sistem Akta Makanan Haiwan (sistem e-AMH) pada bila-bila masa. Permohonan akan disemak berdasarkan kepada giliran atau **first come, first served**. Mesyuarat dijadualkan 2 bulan sekali.

8. BAGAIMANA CARA / KAEDAH PERMOHONAN (ATAS TALIAN@MANUAL)

ATAS TALIAN	eamh.dvs.gov.my (sistem e-AMH)
MANUAL 1. Borang permohonan e-AMH 2. <i>Certificate Of Origin</i> (COO) atau <i>Free Sale Certificate</i> (FSC) original dan; 3. <i>Certificate Of Analysis</i> (COA) original.	Urusetia Lembaga Makanan Haiwan, Seksyen Kawalselia Makanan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Aras 1, Lot 4G1 Blok Podium 1B, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.

9. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMROSESAN DALAM HARI/JAM/MINIT)

Menerima dan menyemak permohonan atas talian, borang permohonan e-AMH Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan, dokumen COO/FSC & COA original yang LENGKAP.	7 HARI
Melaksanakan LAWATAN PREMIS bagi tujuan verifikasi premis.	14 HARI
Menyedia, mengedarkan prosiding mesyuarat dan membentangkan permohonan Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Makanan Haiwan untuk mendapatkan kelulusan dan perakuan daripada Ahli Jawatankuasa.	30 HARI
Memaklumkan kepada pelanggan samada permohonan mereka ditolak, ditangguhkan atau memerlukan maklumat tambahan.	1 HARI
Mencetak Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan serta mendapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan sebelum Lesen diserahkan kepada pelanggan yang telah mendapat kelulusan.	7 HARI
JUMLAH	59 HARI

10. SYARAT-SYARAT SEBELUM & SELEPAS PERMOHONAN


Sebelum: Memohon secara atas talian pada sistem e-AMH (eamh.dvs.gov.my) dan menghantar borang permohonan e-AMH dan dokumen asal *Certificate of Origin (COO)/Free Sale Certificate (FSC)* dan *Certificate of Analysis (COA)* kepada Urusetia.

Selepas: Membuat pembayaran selepas permohonan diluluskan.

Syarat-syarat Khas Bagi Pengimportan Temukut (sila rujuk Garis Panduan Pengimportan Temukut)


- i. Pengimportan temukut dibenarkan hanya bagi tujuan penghasilan makanan ternakan sahaja dan terbuka kepada pengimport yang terdiri daripada **pengilang/pembuat** makanan ternakan.
- ii. Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah terdiri dari beras tidak bergred yang isi hancur beras adalah kurang dari 2/10 purata panjang bijian penuh beras berukuran 7.35mm. Ukuran saiz temukut yang digunakan adalah tidak melebihi daripada 1.47mm.
- iii. Komposisi yang dibenarkan untuk pengimportan temukut bagi diproses sebagai makanan ternakan adalah 90% temukut berukuran tidak lebih dari 1.47mm dan 10% beras hancur halus berukuran di antara 1.48mm hingga 3.68mm.
- iv. Pemegang lesen borong beras daripada KPB tidak dibenarkan untuk menjadi pengimport temukut. Pengesahan berkaitan pemegang lesen borong beras boleh dirujuk ke Unit Perlesenan, Cawangan Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Putrajaya.
- v. Pengimport hendaklah mempunyai lesen import makanan ternakan dan Sijil Pendaftaran Pembuat dan Penjual daripada Lembaga Makanan Haiwan, DVS.
- vi. Kemasukan temukut hanya dibenarkan melalui 4 pelabuhan sahaja iaitu Pulau Pinang, Port Klang, Pasir Gudang, dan Kuantan.
- vii. Bagi tujuan kawalan, pengimport hendaklah memohon permit pemindahan antara negeri daripada mana-mana Pejabat KPB berhampiran jika melibatkan pemindahan temukut antara negeri.
- viii. Sebarang operasi pengimportan, pembuatan dan penjualan hendaklah direkodkan melalui sistem e-AMH.

Carta Alir Pengimportan TEMUKUT Sebagai Makanan Haiwan



11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (TERMASUK CARTA ALIR (FLOW-CHART))

CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN BARU LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN



Nota:

Carta alir ini terpakai bagi permohonan perubahan tambah item baru.

12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN (*CHECK LIST*)

Bil	Perkara	Catatan
1.	<p>Borang permohonan Sistem Akta Makanan Haiwan (e-AMH)</p> <p>Pemohon hendaklah membuat pendaftaran dan mengisi maklumat dengan lengkap serta memuatnaik dokumen berkaitan di laman sesawang e-AMH di https://eamh.dvs.gov.my/index.php</p>	<p>Borang Permohonan Dihantar Kepada Urusetia</p>
2.	<p>Salinan Kad Pengenalan (bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</p> <p>Pemohon hendaklah mempunyai liabiliti dalam syarikat & merupakan warganegara Malaysia.</p>	<p>Muatnaik dalam e-AMH</p>
3.	<p>Salinan MAA/SSM/Maklumat syarikat (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</p> <p>Sila lampirkan salinan Memorandum and Articles of Association bagi syarikat Sdn Bhd. Bagi syarikat selain Sdn Bhd seperti Enterprise, sila lampirkan SSM, Form 49 diperlukan sebagai sokongan ke atas jawatan pemohon sebagai pengarah.</p>	<p>Muatnaik dalam e-AMH</p>
4.	<p>Senarai Pintu Masuk</p> <p>Sila rujuk (Senarai Pintu Masuk Di Bawah Akta Perkhidmatan Pemeriksaan Dan Kuarantin Malaysia 2011)</p>	<p>Dipilih dalam sistem e-AMH (max 12 pintu masuk)</p>
5.	<p>Penyata Negara Asal (Certificate of Origin)</p> <p>Sijil ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkenaan/berkaitan negara asal pengeksport (Kerajaan). Sila beri salinan asal.</p> <p>Free Sale Certificate (FSC) boleh diguna/dikemukakan sebagai pengganti kepada COO. FSC hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten negara asal. Sila beri salinan asal</p>	<p>Dokumen Asal/Original Dihantar Kepada Urusetia</p>
6.	<p>Spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (Certificate of Analysis). Sila beri salinan asal.</p> <p>Spesifikasi/ sijil analisis hendaklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten (Kerajaan Negara asal) nama, jawatan dan alamat agensi pegawai pengesah diperlukan; ATAU Dikeluarkan oleh makmal kerajaan Negara asal (sesalinan sijil pengiktirafan sebagai makmal kerajaan hendaklah disertakan); ATAU Dikeluarkan oleh makmal pihak ketiga Negara Asal yang mendapat persijilan ISO 17025 (sesalinan sijil akreditasi makmal ISO 17025 hendaklah disertakan) 	<p>Dokumen Asal/Original Dihantar Kepada Urusetia</p>
7.	<p>Penyata pengilangan</p> <p>7.1 <i>Process flow</i> penghasilan item dengan menerangkan cara pembuatan serta bahan mentah (raw material) yang digunakan dan disahkan oleh pengilang (nama dan jawatannya)</p>	<p>Muatnaik dalam e-AMH</p>
	<p>7.2 Satu pernyataan deklarasi daripada pihak pengeluar bahawa item yang diimport mengandungi atau tidak unsur tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma. Manakala, bagi bijirin (jagung, soya etc) dan</p>	<p>Muatnaik dalam e-AMH</p>

	produk yang mengandungi bijirin (<i>petfood etc</i>), satu pernyataan deklarasi daripada pihak pengeluar perlu menyatakan sama ada mengandungi GMOs atau non GMOs.	
	7.3 Satu penyata deklarasi daripada pembuat dengan menyatakan sumber biologik yang digunakan dan nama saintifiknya (bagi item biologik sahaja)	Muatnaik dalam e-AMH (sekiranya berkaitan)
8.	Penyata pembungkusan Gambar bungkusan (gambar produk sebenar, ilustrasi produk 2D atau 3D): tepi, depan dan belakang. Gambar dan ilustrasi hendaklah berwarna dan jelas .	Muatnaik dalam e-AMH
9.	Penyata pelabelan Gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas . Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan - Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012. Sekiranya item diimport secara pukal, satu pernyataan pelabelan perlu dicetak pada sehelai kertas dan disertakan bersama permohonan lesen mengimport. Ia juga perlu disertakan bersama konsainan semasa pengangkutan. Pernyataan pelabelan perlu mengandungi perkara tersebut: <ul style="list-style-type: none"> (a) jenama produk; (b) negara pembuat; (c) jenis haiwan yang dirujuk dan tujuan penggunaan; (d) nama dan alamat pembuat termasuk pengimport, pengedar tunggal atau pengeluar; (e) jenis ramuan mentah; (f) sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk "MENGANDUNGI (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini; (g) kandungan nutrien; (h) nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan; (i) takat pemasukan hormon; (j) nama dagang bahan aktif bagi bahan kimialain; (k) berat bersih (l) tarikh pembuatan dan tarikh luput 	Muatnaik dalam e-AMH
10.	Penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-Akta lain yang berkaitan. 10.1 Produk Biologik [probiotik, yis, enzim, hormon, vaksin], memerlukan satu salinan surat kelulusan daripada Seksyen Perubatan dan Bahan Biologik Veterinar, DVS	Muatnaik dalam e-AMH (sekiranya berkaitan)
	10.2 Produk yang mengandungi asas haiwan (selain ikan) memerlukan satu salinan surat kelulusan daripada Seksyen Perkhidmatan Import Eksport (SPIE), DVS.	Muatnaik dalam e-AMH (sekiranya berkaitan)

13. SENARAI PEMBAYARAN/MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

No.	Peraturan	Tajuk	Fi (RM)
1.	3(3)	Lesen baru	600
2.	8(3)	Pembaharuan Lesen yang sedia ada (pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun)	500
3.	8(5)	Permohonan lewat bagi pembaharuan Lesen yang sedia ada (selepas 1 Disember setiap tahun)	1,000
4.	9(3)	Salinan pendua Lesen yang hilang, rosak atau musnah	100 setiap lesen
5.	10(3)	Lesen bagi perubahan maklumat dan butir-butir	50 setiap lesen

14. MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

OUTPUT	Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.
KAEDAH PENYAMPAIAN KEPUTUSAN KEPADA PEMOHON	Notifikasi email dan status lulus pada akaun e-AMH pemohon.

15. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/ PINDAAN/ PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)

- i. Pemohon **mestilah** membuat pembaharuan Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan **pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun** dan **wajib mengisi rekod pengimportan sepanjang tahun** berkenaan pada sistem e-AMH.
- ii. **Bagi sebarang perubahan**, pemohon perlu memohon pada sistem e-AMH dan menghantar dokumen sokongan kepada Urusetia seperti pada senarai semak yang ditetapkan dengan lengkap (perkara 12).

CARTA ALIRAN KERJA
PERMOHONAN PEMBAHARUAN/ LAIN-LAIN PERUBAHAN SELAIN TAMBAH ITEM BARU
LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

1. Terima permohonan pada sistem e-AMH, borang permohonan e-AMH dan dokumen sokongan

(serahan tangan/melalui perkhidmatan kiriman/email)



2. i). Pembaharuan: Semak rekod pengimportan pada sistem e-AMH

dan dokumen sokongan yang dihantar (Borang K1)

ii). Lain-lain Perubahan Selain Tambah Item Baru:

Semak maklumat perubahan yang lengkap pada sistem e-AMH



3. *Dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Makanan Haiwan (Minggu ketiga setiap 2 bulan)



4. Cetak lesen dan dapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan



5. Pemohon buat pembayaran



6. Pemohon ambil lesen

Bagi pembaharuan, lesen boleh terus dicetak sekiranya **Rekod Pengimportan dan Dokumen Pelepasan Kastam: K1 yang dihantar adalah lengkap dan akan dibentangkan pada mesyuarat sebagai makluman.*

**Bagi lain-lain perubahan selain perubahan tambah item baru, sijil boleh dicetak sekiranya maklumat adalah lengkap (semakan berdasarkan giliran) dan akan dibentangkan pada mesyuarat sebagai makluman.*

16. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- i. Akta Makanan Haiwan 2009
- ii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Lesen Untuk Mengimport Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- iii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- iv. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik ,Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012
- v. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan Dan Penjualan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- vi. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan Dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012
- vii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Peraturan-peraturan Makanan Haiwan (Kesalahan Boleh Kompaun) 2019